



**SIARAN MEDIA  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BERKENAAN  
SERUAN SOLAT HAJAT DAN BACAAN QUNUT NAZILAH  
MOHON KESEJAHTERAAN DAN PERTOLONGAN ALLAH SWT  
KE ATAS RAKYAT PALESTIN**

**20 MEI 2025 / 22 ZULKAEDAH 1447**

1. Sebagai tanda solidariti dan doa buat saudara-saudara kita di Palestin, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengarahkan ketiga-tiga(3) buah masjid utama JAKIM iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal untuk melaksanakan solat Hajat dan bacaan Qunut Nazilah.
2. Marilah bersama-sama menzahirkan rasa simpati dan solidariti terhadap penderitaan rakyat Palestin di bumi Gaza yang terus dilanda situasi tragik, saban hari dizalimi serta diserang dengan kejam tanpa sedikit pun rasa perikemanusiaan oleh rejim Zionis Israel.
3. JAKIM konsisten dalam menyokong pendirian Kerajaan Madani yang tegas membela kedaulatan negara umat Islam, khususnya Palestin, serta terus membantu rakyatnya dalam pelbagai bentuk dan cara.
4. Adalah diseru agar umat Islam bersatu hati memohon pertolongan Allah SWT agar melindungi saudara-saudara kita di sana serta pembebasan bumi al-Quds. Semoga dengan usaha sekecil ini ia akan dipandang tinggi di sisi Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

